

05 JUN 1997

Malaysia-Thailand

MESYUARAT JAWATANKUASA SEMPADAN MALAYSIA-THAILAND BERMULA

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Malaysia dan Thailand hari ini memulakan rundingan mengenai beberapa isu berkenaan sempadan bersama kedua-dua negara dan mengkaji semula peraturan keselamatan yang lepas.

Mesyuarat ke-39 Jawatankuasa Sempadan Am Malaysia-Thailand (GBC), yang pertama kali diadakan sejak 1994 itu dipengerusikan bersama oleh Perdana Menteri Thai yang juga Menteri Pertahanan Jen Chavalit Yongchaiyudh dan Menteri Pertahanan Malaysia Datuk Syed Hamid Albar.

Mesyuarat tiga hari itu dijangka memberi tumpuan kepada pergerakan keluar-masuk rakyat melalui sempadan di samping menghalang aktiviti penyeludupan di sepanjang sempadan sejauh 647km yang dikongsi bersama kedua-dua negara itu.

Satu perjanjian juga dijangka akan ditandatangani pada akhir mesyuarat.

Syed Hamid mengetuai delegasi 25 anggota termasuk Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Ismail Omar, Ketua Staf Jen Datuk Nawi Alias dan Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Norian Mai.

Delegasi 30 anggota yang diketuai Chavalit termasuk Timbalan Ketua Staf Tentera Lt Jen Chokechai Hongthong dan Ketua Pengarah Jabatan Polis Jen Pracha Promnok.

Chavalit, bekas Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera dalam Pasukan Pertahanan Thai, pernah menghadiri beberapa mesyuarat jawatankuasa itu sebelum ini.

Perdana Menteri Thai itu juga telah melakukan lawatan rasmi ke negara ini pada Februari lepas.

Semasa lawatan itu, Chavalit pernah mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai isu-isu sempadan.

Beberapa persetujuan telah dicapai, antaranya kerjasama memajukan kawasan-kawasan sempadan yang sukar untuk ditanda. Ini diikuti dengan perjanjian yang ditandatangani oleh kedua-dua negara pada 8 Mac lepas mengenai Projek Pembangunan Muara Sungai Golok yang juga dapat membantu memastikan penandaan sempadan dengan lebih tepat.

Jawatankuasa Am Sempadan itu ditubuhkan pada 1970-an untuk menghapuskan ancaman komunis di sepanjang sempadan bersama. Malaysia dan Thailand juga mengadakan latihan bersama tentera laut, darat dan udara setiap tahun di bawah naungan jawatankuasa itu. -- BERNAMA

ES RV WNZ